



**PEJABAT MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (EKONOMI)**

**KENYATAAN MEDIA  
KEKUATAN MALAYSIA ADALAH KESTABILAN POLITIK**

Alhamdulillah, pengumuman YAB Perdana Menteri semalam mengenai rancangan untuk mengadakan undi percaya di Parlimen pada September ini telah mententeramkan keadaan. Pengumuman tersebut diterima baik oleh sebahagian besar rakyat.

Kekuatan utama Malaysia sejak merdeka ialah kestabilan politik yang telah membolehkan negara ini mencapai kejayaan yang membanggakan dalam pelbagai bidang.

Untuk memastikan Malaysia terus mencatatkan kejayaan, kita memerlukan keamanan dan kestabilan politik. Tempoh sebulan sebelum Parlimen bersidang harus digunakan sebaik mungkin untuk bermuafakat dan meletakkan negara dalam keadaan yang lebih stabil.

Malaysia mempunyai potensi yang sangat besar untuk menjadi sebuah negara maju. Kita mempunyai pelbagai sumber dan modal insan yang berkualiti. Untuk mencapai matlamat sebuah negara maju berpendapatan tinggi, kita perlu mengembang seluruh tenaga dan buah fikiran mewakili pelbagai sektor, bagi menangani krisis kesihatan dan krisis ekonomi yang tidak pernah kita alami.

Salah satu prasyarat untuk merancakkan pertumbuhan ekonomi ialah pelaburan dalam dan luar negeri. Pelaburan adalah di antara pemangkin kepada pemulihan ekonomi yang dapat menyediakan peluang pekerjaan, menjana pendapatan dan meningkatkan eksport. Iklim pelaburan yang kukuh serta kestabilan politik akan memastikan Malaysia dapat terus menarik pelaburan dari dalam dan luar negara.

Oleh itu, seluruh rakyat khususnya pemimpin-pemimpin politik perlu mencari titik pertemuan dan kebersamaan di bawah kepemimpinan YAB Tan Sri Muhyiddin Yassin, Perdana Menteri. Marilah kita bekerja sebagai satu pasukan demi menjamin masa depan yang lebih baik untuk anak cucu kita.

**DATO' SRI MUSTAPA MOHAMED  
PUTRAJAYA  
5 OGOS 2021**